MUHAMMAD LUQMAN AL HAKIM BIN ROSLAN
MANHAJJ BROTHERS SDN. BHD.

No. Kenderaan: JNT 5065

Tarikh: 16 Oktober 2026

Kepada:

Pihak Pengurusan JLG Metro
Tuan/Puan,
PERMOHONAN PENANGGUHAN SEASON PASS PARKING BAGI BULAN OGOS HINGGA SEPTEMBER 2026

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Saya, Muhammad Luqman Al Hakim bin Roslan, ingin memohon pertimbangan pihak tuan/puan untuk menangguhkan Season Pass Parking bagi kenderaan bernombor pendaftaran JNT 5065 bagi tempoh Ogos hingga September 2026.

Permohonan ini dibuat kerana saya kerap menjalankan tugasan kerja di luar kawasan atas keperluan urusan syarikat. Keadaan tersebut menyebabkan saya tidak dapat menggunakan kemudahan kad parkir berkenaan sepanjang tempoh tersebut.

Untuk makluman pihak tuan/puan, saya bercadang untuk menyambung semula Season Pass Parking mulai Oktober 2026. Sehubungan itu, saya memohon jasa baik pihak tuan/puan untuk mempertimbangkan penangguhan bagi tempoh yang dinyatakan.

Segala pertimbangan dan kerjasama pihak tuan/puan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MUHAMMAD LUQMAN AL HAKIM BIN ROSLAN
MANHAJJ BROTHERS SDN. BHD.

GALERI AURA ISLAM
ISKANDAR PUTERI

GALERI AURA ISLAM

Anjung Neighbourhood Centre, Lot R19, R19A, R20,R23
Persiaran Ledang Heights East Ledang,
79250 Iskandar Puteri, Johor.

Tel: 07-535 3355
Laman Web: www.galeriauraislam.com
E-mel: admin@manhajj.com

Rujukan : MB/2026/02/231
Tarikh : 16 Oktober 2026

Tarikh: 16 Oktober 2026
Kepada:
Pihak Pengurusan JLG Metro
Tuan/Puan,

PENGESAHAN MAJIKAN BAGI PERMOHONAN PENANGGUHAN SEASON PASS PARKING

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Pihak MANHAJJ BROTHERS SDN. BHD. mengesahkan bahawa Muhammad Luqman Al Hakim bin Roslan merupakan pekerja syarikat ini. Berdasarkan keperluan tugas, beliau kerap menjalankan tugasan kerja di luar kawasan bagi urusan syarikat.

Surat ini dikeluarkan bagi menyokong permohonan penangguhan Season Pass Parking bagi kenderaan bernombor pendaftaran JNT 5065 untuk tempoh Ogos hingga September 2026. Pihak kami turut mengesahkan bahawa pekerja berkenaan bercadang untuk menyambung semula Season Pass Parking mulai Oktober 2026. Sehubungan itu, pihak kami memohon agar permohonan penangguhan bagi tempoh tersebut dapat dipertimbangkan oleh pihak tuan/puan.

Kerjasama dan pertimbangan pihak tuan/puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
"PENERAJU PELANCONGAN MESRA MUSLIM"

Yang benar,

Nazmi

AIZUDDIN NAZMI BIN ANUAR
Pengurus Projek Galeri Aura Islam Iskandar Puteri, Johor